

## BADMINTON

### 1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Sedunia (BWF) yang berkuatkuasa pada ketika ini.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang Inggeris akan dipatuhi.

### 2. FORMAT PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara individu dan terbahagi kepada lima (5) kategori ;
  - 2.1.1 Perseorangan Lelaki
  - 2.1.2 Perseorangan Wanita
  - 2.1.3 Bergu Lelaki
  - 2.1.4 Bergu Wanita
  - 2.1.5 Bergu Campuran

### 3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan dijalankan secara Kalah Keluar (*Knock Out*)
- 3.2 Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 21 mata atau (*Rally Point Scoring System*) (3x21).

### 4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap Institusi dibenarkan mendaftar maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap kategori.
- 4.2 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain secara maksimum dua (2) kategori sahaja

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



4.3 Bilangan pemain ;

| BILANGAN PEMAIN | LELAKI | WANITA |
|-----------------|--------|--------|
| MINIMUM         | 1      | 1      |
| MAKSIMUM        | 8      | 8      |

4.4 Sebarang pemain gantian tidak dibenarkan selepas sesuatu undian rasmi pertandingan dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan.

4.5 Susun atur pemain di dalam Borang Pendaftaran Pemain (*N-Form*) hendaklah disusun mengikut ranking dari tinggi ke rendah dalam institusi masing-masing.

## 5. PAKAIAN PERTANDINGAN

5.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama institusi yang diwakili di belakang baju .

5.2 Bagi acara beregu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

5.3 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan dan berkastut semasa Majlis Penyampaian Hadiah

## 6. PANGGILAN PESERTA

6.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri digelanggang setelah panggilan pertama dibuat.

6.2 Kepada pemain yang lewat melaporkan diri di gelanggang selepas panggilan ketiga (3) dibuat, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

6.3 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 30 minit.

## 7. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

7.1 Setiap pemain haruslah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh pihak penganjur.

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



7.2 Jika didapati berlaku dengan sengaja, semua perlawanan seterusnya yang melibatkan pemain berkenaan akan dibatalkan dan pemain yang terlibat akan disingkirkan daripada pertandingan.

## 8. HADIAH DAN PEMENANG

8.1 Hadiah diberi hanya kepada Pemenag Pertama, Kedua dan Tempat Ketiga bagi semua kategori.

8.2 Pemain yang kalah di peringkat separuh akhir akan bermain untuk merebut tempat ke-3.

## 9. HAL-HAL LAIN

9.1 Hanya pegawai pasukan dengan pakaian sopan dan berkasut sahaja dibenarkan berada di gelanggang pertandingan semasa sesuatu perlawanan berlangsung

9.2 Sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur adlah MUKTAMAD.

## 10. PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM (21.0)